

Renunglah!

Diceritakan, pada suatu hari sedang Rasulullah berada di rumahnya, suatu kumpulan dari rahib-rahib (ketua-ketua agama) Yahudi bersengaja menjumpai Rasulullah (S.A.W). Setibanya di hadapan Nabi mereka mengemukakan pertanyaan-pertanyaan untuk menguji adakah Nabi itu seorang Utusan Allah. Kata mereka kepada Nabi :

“Ya Muhammad beritahulah kepada kami empat perkara yang akan kami tanyakan kepadamu! Sekiranya engkau memberi keterangan yang benar, kami tentu akan mengikut engkau, membenarkan engkau dan mempercayai engkau, bahawasanya engkau sebenar-benar Nabi utusan Tuhan!”

Silakan tanya apa-apa yang kamu kehendaki” jawab Nabi, “Tetapi jadikanlah semuanya itu sebagai perjanjian Allah dan tanggungan-Nya. Jika saya telah memberitahu apa-apa yang kamu tanyakan adakah kamu sebenarnya akan mempercayai saya?”

“Ya!Baiklah” jawab mereka.

“Sekarang, bolehlah kamu bertanya akan apa-apa yang kamu hendak tanyakan” -kata Nabi.

“Bagaimanakah seorang anak, tanya mereka menyerupai akan ibunya, pada *nutfah* itu dari lelaki?”

Jawab Nabi : “Aku memperingatkan kepada kamu dengan nama Allah yang telah menurunkan Taurat kepada Musa: Adakah

kamu mengetahui, air *nutfah* lelaki itu putih lagi tebal, sedang air *nutfah* perempuan itu kuning lagi nipis? Maka mana antara keduanya meninggi dan mengalahkan kawannya adalah baginya rupa itu.”

Kata mereka (Yahudi-yahudi itu) : “Ya benar!” Kemudian mereka bertanya lagi: “Beritahu kepada kami bagaimana engkau tidur Ya Muhammad?”

“Aku bertanya engkau dengan nama Allah yang telah menurunkan Taurat kepada Musa, tanya Nabi: “Adakah kamu mengetahui bahawa tidur orang yang kamu sangka bahawa aku bukanya ia (nabi), ia tidur matanya, tetapi tidak tidur hatinya?”

“Sebenarnya!” jawab mereka.

Kata nabi “Demikian itulah tidurku. Mataku tidur, tetapi hatiku tidak tidur!”

“Cuba nyatakan olehmu kepada kami,” kata yahudi-yahudi itu, “Apa-apa yang diharamkan oleh Israel untuk dirinya.”

“Aku meminta dan bertanya kepada kamu”, “Dengan nama Allah yang telah menurunkan Taurat kepada Musa: “Adakah kamu mengetahui bahawasanya makanan dan minuman yang sangat disukai oleh Israel itu daging unta dan air susunya; dan bahawasanya ia (Israel) mengadukan sakitnya, lalu disembuhkan oleh Allah daripada sakitnya

itu, kemudian ia mengharamkan makanan dan minuman yang paling disukainya atas dirinya sendiri, iaitu daging unta dan susunya!”

Mereka menjawab: “Sebenarnya!”

Kemudian mereka bertanya lagi: “Beritahukanlah kepada kami tentang roh (malaikat yang menjadi penolong engkau)!”

Nabi menjawab: “Aku bertanya kepada kamu: Adakah kamu mengetahui Jibril, dan dialah yang datang kepadaku.”

Mereka menjawab: “Ya, sebenarnya. Tetapi Jibril itu musuh bagi kami, Ya Muhammad! Ia seorang malaikat yang datang dengan kekerasan dan dengan menumpahkan darah; dan jika bukan dia, tentu kami mengikut engkau.”

“Bagaimana demikian?” kata Nabi, padahal tidak ada seorang Nabi yang dibangkitkan melainkan dia (Jibril) yang menjadi penolongnya.”

Kata yahudi-yahudi itu: “Sekiranya yang menjadi penolong engkau bukan Jibril tentu kami mempercayai dan mengikut engkau; tetapi kerana yang menolong engkau itu Jibril maka kami tidak mempercayai dan mengikut kerana Jibril itu tetapi musuh kami.”

Diriwayatkan sesudah peristiwa tersebut Allah menurunkan firman-Nya di dalam *Sūrah Al-Baqarah ayāt (97-101)* yang maksudnya :

“Katakan olehmu (Ya Muhammad): Barangsiapa memusuhi Jibril maka sesungguhnya Jibrail itu yang telah telah¹ menurunkan wahyu kepada hati kamu dengan izin Allah – sedang wahyu Al-Qur’ān membenarkan bagi barang apa yang di hadapannya dan menjadi pertunjuk dan berita bagi orang-orang yang beriman.

¹ Pengulangan perkataan telah.

Renunglah . . . !

Barang siapa memusuhi Allah, memusuhi malaikat-Nya, memusuhi utusan-utusan-Nya, Jibril dan Mikail, maka sesungguhnya Allah musuh bagi orang-orang yang kafir. Dan sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkan kepada kamu beberapa *āyat* yang terang dan nyata, dan tidak mengkafiri dengan ayat-ayat itu melainkan orang-orang yang fasik. Dan adakah (patut) tiap-tiap kali mereka mengadakan suatu perjanjian, segolongan daripada itu melemparkannya? Bahkan kebanyakan daripada mereka itu tidak beriman. Dan setelah datang kepada mereka seorang rasul dari Allah yang membenarkan kepada barang apa yang beserta mereka,

segolongan dari orang-orang yang diberi kitab itu membuang Kitab Allah ke sebelah belakang, seakan-akan mereka tidak mengetahui.”

Inilah gambaran Allah di atas kejahatan

Harap Maaf !



Sebenarnya kisah sejarah Islam yang berjudul “ **Muhammad Anak Korbanan**” telah tamat hingga bahagian yang kedua sahaja sebagaimana yang telah kita siarkan di dalam Majalah Qalam bilangan 207.

Di atas kekhilafan kita itu kita menuntut berbanyak-banyak maaf!

-Pengarang.

orang-orang Yahudi. Lihat bagaimana mereka memutarbelitkan kebenaran. Dengan sombong dan bongkak mereka mengatakan sebab-sebabnya mereka tidak mempercayai Al-Qur’ān dan Junjungan Nabi Muhammad (SAW)

Tabiat Yahudi ini berkeka² hingga sekarang terutamanya di dalam putarbelitnya dan permusuhannya terhadap Islam. Malangnya tabiat dan keadaan orang yang berginilah yang dijadikan “guru” oleh sebuah negara yang tumbuh di tengah-tengah Gugusan Pulau-pulau Melayu. Segala gerak-gerinya adalah berkeadaan seperti gurunya, bersiap-siap untuk hendak berkuasa dan merebut kekuasaan yang gelagatnya tidak lain nampaknya untuk menghancurkan negara-negara dan umat Islam yang ada di dalamnya. Hubaya-hubaya ! Berhati-hatilah!



Dua gambar di atas – menunjukkan beribu-ribu orang sanak saudara para jemaah haji dari Afrika Selatan memberi ucapan “Selamat Jalan” kepada kaum keluarga dan sahabat-handai mereka yang akan berangkat ke Tanah Suci – Makkah Ak-Mukaramah – kerana menunaikan fardu haji. Gambar ini diambil di lapangan terbang Cape Town – ibu negara Afrika Selatan. Pemandangan seumpama ini juga biasa dilihat di tanah air kita.

² Teks kurang jelas. Perkataan sebenarnya adalah berkekalan